

MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENJELASKAN KRONOLOGI DALAM TAJUK PERJUANGAN KEMERDEKAAN NEGARA 1957 BAGI MURID TAHUN LIMA MENGGUNAKAN TANGGA KEMERDEKAAN

Helena Anak Jihes
helenajihes@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh manakah penggunaan Tangga Kemerdekaan sebagai Bahan Bantu Mengajar (BBM) dapat membantu meningkatkan kemahiran menjelaskan fakta sejarah berbentuk kronologi dalam tajuk perjuangan kemerdekaan negara bagi murid Tahun Lima. Tinjauan awal menunjukkan bahawa murid tidak dapat menjelaskan kronologi dengan betul sedangkan kemahiran memahami kronologi merupakan satu daripada Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) yang perlu dikuasai murid. Kajian ini melibatkan empat orang murid dari Kelas Lima Zamrud yang mengalami masalah menjelaskan fakta sejarah mengikut kronologi. Objektif kajian ini adalah untuk menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya untuk membantu murid murid Tahun Lima menjelaskan kronologi peristiwa perjuangan kemerdekaan negara 1957. Data telah dikumpul melalui kaedah analisis dokumen, pemerhatian berstruktur, temu bual berstruktur dan soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Tangga Kemerdekaan dapat membantu murid Tahun Lima mengingat dan memahami peristiwa kemerdekaan negara secara kronologi serta membantu murid menjelaskan kronologi peristiwa perjuangan kemerdekaan negara berdasarkan adanya peningkatan positif yang ditunjukkan oleh peserta kajian saya sekaligus membantu meningkatkan keberkesanan dan kualiti PdPc saya sebagai guru Sejarah. Aspek penambahbaikan yang boleh dilakukan terhadap kajian ini ialah penggunaan elemen warna serta memasukkan Elemen Kewarganegaraan yang bersesuaian.

Kata kunci: kronologi, Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS), Tangga Kemerdekaan, Bahan Bantu Mengajar (BBM), menjelaskan fakta berbentuk kronologi

ABSTRACT

The aim of this research is to find out how the usage of Independence Ladder could help to uplift the skill in explaining historical facts in a chronological manner for the topic "Perjuangan Kemerdekaan Negara" for Year Five pupils. Earlier review shows that the pupils were unable to explain the chronology correctly even though the ability to understand chronologically is one of the History Thinking Skills or known as "Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS)" which the pupils should master. This research involves four pupils from Year Five Zamrud who were having difficulties in explaining historical facts chronologically. Hence, the objective of the research was to improve my teaching and learning skills to help the pupils in remembering, understanding and be able to explain the events leading to our country's independence chronologically. Four activities were carried out using Independence Ladder. Data were obtained through structured document analysis method, structured interview and questionnaire. The finding of the research shows that Independence Ladder was able to help Year Five pupils in remembering, understanding and explaining the events in the struggle for independence chronologically based on the encouraging improvements shown by the four students of my research besides helping to improve my teaching, learning and coaching (PdPc) as a history teacher. Areas for improvement that could be done in this research would be the element of colours usage and the appropriate elements of nationality.

Key words: chronology, History Thinking Skills, Independence Ladder, remembering, understanding, explain historical facts chronologically

Pengenalan

Mata pelajaran Sejarah telah diperkenalkan di sekolah rendah pada tahun 2014 melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Pengenalan mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah bermula pada tahap dua ini adalah bertujuan untuk menyemai kefahaman murid terhadap mata pelajaran Sejarah dari peringkat awal agar murid memperoleh dan menguasai pengetahuan serta kemahiran sejarah.

Dalam mata pelajaran Sejarah, salah satu kemahiran yang perlu dikuasai murid ialah memahami dan mengingat sesuatu peristiwa sejarah secara kronologi. Menurut John Child, Paul Shuter dan David Taylor (1991), "*Historians need to understand chronology as a first step so they can work out why things happened*". Jika dilihat dalam kandungan Kurikulum Sejarah Sekolah Rendah, antara Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) yang perlu dikuasai oleh murid-murid ialah memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi. Oleh itu, kemahiran memahami dan menyusun fakta sejarah secara kronologi merupakan sebahagian daripada kandungan kurikulum Sejarah yang perlu dikuasai oleh murid.

Semasa menjalani praktikum fasa dua yang lalu, saya mendapati murid-murid agak lemah untuk menjelaskan sesuatu peristiwa sejarah yang secara kronologi kerana mereka merasakan bahawa peristiwa tersebut terlalu banyak dan mengelirukan mereka. Oleh itu, Kajian Tindakan ini dihasilkan untuk membantu murid menjelaskan peristiwa sejarah yang berlaku secara kronologi secara amnya, dan peristiwa perjuangan menuntut kemerdekaan negara 1957 secara khususnya. Kebolehan murid untuk memahami dan seterusnya menjelaskan peristiwa sejarah secara kronologi penting supaya mereka mendapat pengetahuan awal tentang perkara yang telah berlaku sebelum negara kita mencapai kemerdekaan. Hal ini akan membantu mereka untuk mengaitkan peristiwa sejarah yang telah berlaku secara kronologi dengan apa yang berlaku di negara pada masa kini. Jadi, mereka bukan sahaja akan lebih menghargai sejarah bahkan juga akan dapat menguasai kemahiran memahami kronologi dalam KPS.


Pemerhatian dilakukan secara langsung dan tidak langsung semasa proses PdPc berlaku di dalam bilik darjah. Hasil daripada pemerhatian yang saya lakukan semasa PdPc dan masalah yang timbul di dalam kelas telah saya catatkan pada penulisan refleksi pada Rancangan Pengajaran Harian (RPH) saya bertarikh 2 Ogos 2017.

Refleksi	
	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid agak sukar untuk memahami rentetan peristiwa perjuangan menuntut kemerdekaan dengan membaca buku teks dan mendengar penerangan sahaja. 2. Segelintir murid bercakap dan kurang memberi tumpuan ketika guru mengajar. 3. Saya akan menggunakan BBB yang sesuai untuk membantu saya memberi penerangan mengenai topik yang diajar. 4. Murid yang masih belum mencapai objektif PdP perlu dibantu agar tidak ketinggalan.

Rajah 1. Catatan reflektif pada RPH bertarikh 2 Ogos 2017.

Rajah 1 menunjukkan catatan refleksi yang telah saya hasilkan pada 2 Ogos 2017 yang telah disemak oleh pensyarah pembimbing dan juga guru pembimbing. Berdasarkan catatan refleksi tersebut, saya dapat menyimpulkan bahawa PdPc saya pada hari tersebut tidak berjalan seperti apa yang saya inginkan. Hal ini kerana murid tidak berjaya mencapai objektif yang saya hasratkan iaitu menjelaskan peristiwa sejarah berbentuk kronologi, khususnya kronologi peristiwa perjuangan kemerdekaan negara.

Analisis dokumen digunakan sebagai panduan untuk melihat pencapaian murid sebelum kajian dijalankan. Hal ini bagi membolehkan saya melihat dan mengikuti peningkatan penguasaan murid sepanjang saya melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Dokumen yang saya analisis merupakan lembaran kerja semasa murid menjalankan aktiviti berkumpulan.



Rajah 2. Lembaran kerja aktiviti berkumpulan.

Selesai waktu PdPc, biasanya saya akan meminta setiap kumpulan untuk menghantar lembaran kerja atau lembaran aktiviti yang telah mereka jawab. Rajah 2 menunjukkan dapatan yang saya perolehi hasil daripada sesi PdPc yang saya jalankan pada hari tersebut saya telah mengambil lembaran kerja bagi dua kumpulan untuk membuat perbandingan. Kedua-dua kumpulan berkenaan tidak berjaya untuk melengkapkan garis masa kronologi perjuangan menuntut kemerdekaan dengan betul. Oleh sebab itu, saya dapat merumuskan bahawa murid menghadapi masalah untuk menjelaskan kronologi perjuangan kemerdekaan negara.

Justeru, saya telah menghasilkan satu BBM yang dikenali sebagai Tangga Kemerdekaan untuk membantu murid menjelaskan kronologi peristiwa perjuangan kemerdekaan negara dalam kalangan murid-murid Tahun Lima.

Fokus Kajian

Fokus kajian saya ialah untuk membantu murid dalam menjelaskan peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku secara kronologi dan menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya untuk membantu murid mengingat dan memahami peristiwa kemerdekaan negara secara kronologi. Hal ini penting agar murid dapat dapat memahami sesuatu peristiwa sejarah dengan baik. Dengan ini, KPS iaitu

kemahiran memahami kronologi akan dapat dicapai oleh murid. Ahmad Rafeai Ayudin (2011) menyatakan bahawa kebolehan murid untuk menguasai KPS akan melahirkan murid yang mampu untuk berfikir secara kritis dan membuat perkaitan antara satu peristiwa dengan satu peristiwa yang lain. Kebolehan untuk menjelaskan sesuatu peristiwa sejarah dengan baik juga penting agar dapat mengubah persepsi sesetengah murid yang mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran yang membosankan dan mempunyai banyak fakta yang mengelirukan kepada mata pelajaran yang menyeronokkan dan tidak membebankan. Kajian mengenai kesukaran murid untuk menjelaskan fakta sejarah berbentuk kronologi juga telah diakui oleh Shaareny M. Saravanan (2016) dalam kajiannya.

Objektif Kajian

- a. Menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya untuk membantu murid mengingat dan memahami peristiwa kemerdekaan negara secara kronologi
- b. Membantu murid Tahun Lima menjelaskan kronologi perjuangan kemerdekaan negara.

Soalan Kajian

- a. Sejauh manakah Tangga Kemerdekaan dapat menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya untuk membantu murid mengingat dan memahami peristiwa kemerdekaan negara secara kronologi?
- b. Sejauh manakah penggunaan Tangga Kemerdekaan dapat membantu murid Tahun Lima menjelaskan kronologi peristiwa perjuangan kemerdekaan negara?

Peserta Kajian

Saya telah memilih empat orang murid yang berada pada tahap lemah dalam menjelaskan kronologi perjuangan kemerdekaan negara iaitu Faiz, Fakri, Sara dan Ivy. Berdasarkan lembaran kerja yang saya semak, mereka hanya dapat menjelaskan dua daripada tujuh peristiwa perjuangan kemerdekaan negara mengikut kronologi dengan betul.

Tindakan Yang Dijalankan

Tindakan yang saya jalankan adalah untuk meningkatkan kemahiran menjelaskan fakta sejarah berbentuk kronologi dalam kalangan murid dengan menggunakan Tangga Kemerdekaan. Nama tersebut dipilih kerana bentuk BBM yang saya hasilkan adalah berbentuk tangga dan sebagai analogi peristiwa perjuangan kemerdekaan negara yang berlaku satu demi satu, ibarat menaiki tangga. Penggunaan bahan visual bergambar turut diterapkan dalam kajian ini kerana saya percaya murid yang lemah tidak berupaya untuk membayangkan sesuatu peristiwa sejarah jika pengajaran yang guru berikan adalah secara auditori sahaja sebaliknya mereka memerlukan bahan visual untuk membantu mereka melihat, memahami dan seterusnya dapat menjelaskan kronologi peristiwa sejarah dengan baik (Ghulam Shabiralyani et.al, 2015). Bahan visual tersebut saya jadikan dalam bentuk kad di mana terdapat tiga jenis kad yang digunakan dalam Tangga Kemerdekaan iaitu Kad Gambar Peristiwa, Kad Nama Peristiwa dan Kad Penerangan seperti dalam Rajah 3 di bawah.



Rajah 3. Tangga Kemerdekaan

Langkah pelaksanaan aktiviti PdPc dengan menggunakan BBM Tangga Kemerdekaan ini adalah melibatkan tiga aktiviti, iaitu aktiviti Tangga Peristiwa, Tangga Memori dan Tangga Kata Kunci.

Aktiviti Satu: Tangga Peristiwa

Murid dikehendaki untuk memerhati kad gambar peristiwa, menyentuh dan membaca setiap kad yang ada pada Tangga Kemerdekaan tersebut dengan sendirinya. Hal ini bermakna aktiviti yang saya jalankan adalah lebih kepada berpusatkan murid kerana murid sendiri yang perlu memahami perkaitan gambar dengan setiap peristiwa tanpa penerangan daripada guru.

Aktiviti Dua: Tangga Memori

Tangga Kemerdekaan dikosongkan. Murid dikehendaki untuk menyusun semula Kad Gambar Peristiwa, Kad Nama Peristiwa dan Kad Penerangan mengikut kronologi yang betul dan meletakkan kad-kad tersebut pada Tangga Kemerdekaan.

Aktiviti Tiga: Tangga Kata Kunci

Murid diminta untuk mengenal pasti kata kunci yang terdapat pada kad penerangan dan menuliskannya pada kertas. Dengan menggunakan kata kunci yang telah dikenal pasti dan ditulis, murid dikehendaki untuk menjelaskan kronologi peristiwa perjuangan kemerdekaan dengan menggunakan ayat sendiri.

Aktiviti Empat: Lembaran Kerja

Saya memberikan lembaran kerja kepada murid untuk menguji sama ada penggunaan Tangga Kemerdekaan dapat membantu murid menjelaskan kronologi peristiwa perjuangan menuntut kemerdekaan negara. Lembaran kerja tersebut akan saya semak dan akan saya analisis.

Kaedah Mengumpul Data

Pemilihan kaedah mengumpul data adalah bergantung dengan kesesuaian situasi dan tujuan serta kemahiran penyelidik (Chow dan Jaizah, 2011). Justeru itu, dalam kajian ini, saya telah menggunakan empat kaedah pengumpulan data iaitu analisis dokumen, pemerhatian berstruktur, temu bual berstruktur dan soal selidik.

Kaedah Menganalisis Data

Data yang telah dikumpul dalam sesuatu kajian seterusnya akan dianalisis dan dipersembahkan. Hasil daripada analisis tersebut akan membolehkan pengkaji menghasilkan sebuah laporan kajian berdasarkan data-data yang diperoleh daripada peserta kajian. Bagi menganalisis data, saya akan menganalisis data yang saya peroleh dengan menggunakan analisis kandungan.

Kaedah Menyemak Data

Triangulasi merupakan satu keperluan dalam kajian kualitatif. Triangulasi bermaksud kaedah integrasi yang berbeza bagi mendapatkan lebih daripada satu bentuk data supaya dapatan kajian kualitatif yang bersifat subjektif akan lebih meyakinkan dan dapat meningkatkan kesahan data yang dikumpul. Merriam (1998) berpendapat bahawa triangulasi merupakan satu daripada kaedah yang boleh meningkatkan kebolehpercayaan sesuatu penyelidikan kualitatif. Oleh itu, terdapat dua jenis triangulasi yang akan saya gunakan dalam kajian ini, iaitu triangulasi kaedah dan triangulasi sumber.

Dapatan Kajian

Data Analisis Dokumen

Saya telah menjadikan lembaran kerja peserta kajian saya sebagai dokumen kerana saya bersandarkan kepada Stringer (2008) yang mana beliau menyatakan bahawa lembaran kerja murid merupakan sumber yang berguna dalam penyelidikan kerana lembaran tersebut memberikan maklumat dalam bentuk visual dan konkrit. Lembaran kerja yang saya berikan kepada murid terbahagi kepada dua, iaitu lembaran kerja sebelum pelaksanaan inovasi dan lembaran kerja selepas pelaksanaan inovasi.

Saya mendapati penggunaan kad visual bergambar dan kad penerangan yang mengandungi kata kunci dapat membantu menyelesaikan masalah mereka. Hasil lembaran kerja mereka selepas inovasi jelas menunjukkan bahawa berlaku peningkatan daripada sebelumnya kerana mereka berjaya menjawab lembaran kerja yang saya berikan dengan baik sekali seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Kesemua peserta kajian saya berjaya mendapat semua betul semasa menjawab lembaran kerja selepas inovasi dilaksanakan. Ini bermakna, peserta kajian berjaya untuk menjelaskan kronologi peristiwa kemerdekaan pada tahun 1957.

Jadual 1

Perbandingan lembaran kerja murid sebelum dan selepas

Bil	Nama Peserta kajian (Bukan nama sebenar)	Jumlah betul (/7) (Sebelum inovasi)	Jumlah betul (/7) (Selepas inovasi)
1	Fakri	2	7
2	Faiz	2	7
3	Ivy	2	7
4	Sarah	2	7

Data Pemerhatian

Saya menggunakan pemerhatian berstruktur di mana saya menggunakan borang pemerhatian untuk mengumpul data pemerhatian mengenai penglibatan peserta kajian sebelum dan semasa penggunaan *Tangga Kemerdekaan*. *Rajah 4* menunjukkan hasil dapatan pemerhatian saya terhadap dua peserta kajian saya.

BORANG PEMERHATIAN TINGKAH LAKU MURID		BORANG PEMERHATIAN TINGKAH LAKU MURID	
NAMA PEMERHATI: Helena		NAMA PEMERHATI: Helena	
NAMA KANAK-KANAK: Faiz		NAMA KANAK-KANAK: Fakri	
AKTIVITI: <i>Tangga Kemerdekaan</i>		AKTIVITI: <i>Tangga Kemerdekaan</i>	
TARIKH: 19 September 2017		TARIKH: 19 September 2017	
MASA: 1:30 - 2:30 pm		MASA: 1:30 - 2:30 pm	
UMUR KANAK-KANAK: 11 tahun		UMUR KANAK-KANAK: 11 tahun	
TANDAKAN (/) JIKA YA DAN (X) JIKA TIDAK DAN (-) SEKIRANYA TIADA RESPON DI MANA PERLU		TANDAKAN (/) JIKA YA DAN (X) JIKA TIDAK DAN (-) SEKIRANYA TIADA RESPON DI MANA PERLU	
Tingkah laku semasa menjalankan aktiviti bersama rakan	Catatan	Tingkah laku semasa menjalankan aktiviti bersama rakan	Catatan
1. Mempamerkan sikap bekerjasama dengan rakan	✓	1. Mempamerkan sikap bekerjasama dengan rakan	✓
2. Tertarik dan gembira belajar dengan menggunakan <i>Tangga Kemerdekaan</i>	✓	2. Tertarik dan gembira belajar dengan menggunakan <i>Tangga Kemerdekaan</i>	✓
3. Boleh berkomunikasi dengan rakan semasa menjalankan aktiviti dengan menggunakan <i>Tangga Kemerdekaan</i>	✓	3. Boleh berkomunikasi dengan rakan semasa menjalankan aktiviti dengan menggunakan <i>Tangga Kemerdekaan</i>	✓
4. Boleh menjelaskan kronologi perjuangan menuntut kemerdekaan secara lisan.	✓	4. Boleh menjelaskan kronologi perjuangan menuntut kemerdekaan secara lisan.	✓
5. Menjawab lembaran kerja yang diberikan dengan bersungguh-sungguh dan mengikut masa yang ditetapkan.	✓	5. Menjawab lembaran kerja yang diberikan dengan bersungguh-sungguh dan mengikut masa yang ditetapkan.	✓

Rajah 4. Borang Pemerhatian terhadap Faiz dan Fakri semasa inovasi.

Saya mendapati peserta kajian saya menunjukkan penglibatan yang baik dan aktif semasa penggunaan *Tangga Kemerdekaan*. Semasa melaksanakan aktiviti *Tangga Memori* dan *Tangga Kata Kunci*, mereka boleh memberikan kerjasama yang sangat baik di antara satu sama lain. Faiz yang merupakan seorang murid yang agak lemah di dalam kelas juga menunjukkan bahawa dia gembira belajar menggunakan *Tangga Kemerdekaan* kerana gambar yang menarik dan bentuk *BBM* tersebut yang dirasakan menarik bagi dirinya. Yang paling utama ialah semasa saya menguji mereka secara lisan, kesemua peserta kajian saya dapat menjelaskan setiap kronologi peristiwa perjuangan kemerdekaan negara dengan lancar.

Data Temu Bual

Menurut Mok Soon Sang (2009) dan Hasbee (2011), temu bual merupakan salah satu kaedah pengumpulan data yang popular dan unik kerana ia melibatkan kutipan data melalui lisan dalam pertemuan di antara dua pihak. Temu bual yang dilaksanakan ialah secara berstruktur peserta kajian saya serta kepada rakan praktikum saya.

- Saya : Apakah perasaan kamu setelah belajar dengan menggunakan Tangga Kemerdekaan?
Ivy : Saya berasa seronok cikgu. Akhirnya saya dapat ceritakan setiap peristiwa perjuangan menuntut kemerdekaan.
- Saya: Adakah Tangga Kemerdekaan dapat membantu kamu menjelaskan setiap peristiwa perjuangan kemerdekaan negara mengikut kronologi?
Ivy : Ya cikgu. Cikgu buat tangga ni cantiklah cikgu. Gambar dengan kata kunci ni dapat buat saya lebih senang untuk menjelaskan setiap peristiwa.
- Saya : Adakah kamu faham apa yang kamu pelajari pada hari ini?
Ivy : Faham cikgu. Masa jawab lebaran kerja tadi senang saja saya buat sebab bila ingat bentuk tangga ni, saya boleh faham dengan cepat.
- Saya : Adakah kamu jelas dan faham tentang aktiviti yang dijalankan dengan menggunakan Tangga Kemerdekaan? Boleh kongsi dengan cikgu?
Ivy : Jelas dan faham cikgu. Macam aktiviti pertama kan kita buat Tangga Peristiwa kan cikgu. Saya ingat setiap peristiwa dengan gambar yang ada pada setiap tangga. Contohnya kan peristiwa satu ialah Jepun. Kan ada gambar bendera Jepun kat anak tangga pertama tu. Jadi saya lebih mudah nak ingat dan kata kunci dia juga senang untuk bantu saya menjelaskan peristiwa menuntut kemerdekaan.

TB04 IV 20092017

Berdasarkan transkrip berikut, saya dapat menyimpulkan bahawa Tangga Kemerdekaan telah banyak membantu Ivy menyelesaikan masalahnya dalam menjelaskan kronologi peristiwa kemerdekaan negara 1957. Hasil temu bual yang saya jalankan bersama dengan tiga peserta kajian lain turut menunjukkan bahawa Tangga Kemerdekaan sangat membantu mereka menjelaskan kronologi peristiwa perjuangan kemerdekaan negara dengan mudah. Antara soalan yang saya tanyakan kepada mereka ialah perasaan mereka belajar menggunakan Tangga Kemerdekaan, bagaimanakah Tangga Kemerdekaan dapat membantu mereka menjelaskan peristiwa perjuangan kemerdekaan negara mengikut kronologi dengan mudah dan adakah mereka ingin belajar dengan menggunakan Tangga Kemerdekaan lagi pada masa akan datang.

Saya juga dapat mengetahui kelebihan dan kelemahan kajian saya melalui temu bual bersama rakan praktikum saya. Rakan saya mengakui penggunaan kad-kad yang mengandungi gambar dan kata kunci amat membantu murid dalam menjelaskan kronologi perjuangan kemerdekaan negara dengan baik.

Data Soal Selidik

Borang soal selidik telah saya berikan kepada peserta kajian untuk meninjau maklum balas mereka tentang kajian ini khususnya penggunaan Tangga Kemerdekaan bagi membantu mereka menjelaskan fakta berkaitan tajuk peristiwa kemerdekaan negara. Analisis tema telah dilakukan untuk melihat skala yang telah dipilih oleh peserta kajian saya, iaitu daripada sangat setuju kepada sangat tidak setuju bagi setiap item yang diketengahkan.

Jadual 2

<i>Keputusan Soal Selidik Tentang Penggunaan Tangga Kemerdekaan kepada Murid</i>	
Item	Sangat setuju
1. Penggunaan Tangga Kemerdekaan dapat menarik minat anda untuk mempelajari Sejarah.	√ √ √ √
2. Penggunaan Tangga Kemerdekaan dapat membantu anda memahami peristiwa perjuangan kemerdekaan negara secara kronologi.	√ √ √ √
3. Penggunaan Tangga Kemerdekaan dapat memudahkan anda untuk menjelaskan kronologi peristiwa perjuangan kemerdekaan negara.	√ √ √ √
4. Aktiviti PdP dengan menggunakan Tangga Kemerdekaan menyeronokkan.	√ √ √ √

Berdasarkan Jadual 2, keempat-empat peserta kajian saya telah memilih bahawa mereka sangat bersetuju bagi setiap item yang saya kemukakan. Penggunaan Tangga Kemerdekaan berjaya menarik minat, membantu, memudahkan dan menyeronokkan.

Refleksi

Penggunaan Tangga Kemerdekaan ternyata menunjukkan kesan yang positif dalam menambah baik amalan PdPc saya untuk membantu murid mengingat dan memahami peristiwa kemerdekaan negara secara kronologi serta yang lebih utama, ia dapat membantu murid Tahun Lima menjelaskan kronologi peristiwa perjuangan kemerdekaan negara. BBM yang saya hasilkan juga secara tidak langsung telah membantu saya untuk menyampaikan isi pelajaran dengan lebih mudah, lancar dan berkesan. Semasa sesi PdPc dilaksanakan bersama dengan peserta kajian saya, penggunaan Tangga Kemerdekaan telah berjaya membantu Faiz, Fakri, Sara dan Ivy menjelaskan fakta sejarah berbentuk kronologi, iaitu kronologi peristiwa perjuangan menuntut kemerdekaan negara 1957 bagi mata pelajaran Sejarah Tahun Lima.

Kajian tindakan ini secara tidak langsung telah memberikan kesan dan implikasi yang positif kepada peserta kajian saya iaitu Fakri, Faiz, Sara dan Ivy. Saya dapat merumuskan bahawa BBM yang saya gunakan iaitu Tangga Kemerdekaan adalah bersesuaian dengan keadaan peserta kajian saya dalam membantu mereka untuk menjelaskan fakta sejarah berbentuk kronologi, iaitu kronologi peristiwa perjuangan menuntut kemerdekaan negara. Peserta kajian saya juga tidak menunjukkan sebarang masalah semasa menggunakan Tangga Kemerdekaan. Secara keseluruhannya, penggunaan Tangga Kemerdekaan ini sememangnya telah menambah baik amalan PdPc saya untuk membantu murid mengingat dan memahami peristiwa kemerdekaan negara secara kronologi serta dapat membantu murid Tahun Lima menjelaskan kronologi peristiwa perjuangan kemerdekaan negara 1957.

Cadangan Tindakan Susulan

Kajian ini seharusnya diteruskan lagi pada masa akan datang supaya pencapaian murid dalam mata pelajaran Sejarah di negara kita akan dapat dipertingkatkan. Antara perkara yang boleh ditambah baik ialah penambahan elemen warna pada Tangga Kemerdekaan. Daripada hanya menggunakan warna biru dan

merah, tangga tersebut boleh diwarnakan dengan warna lain agar lebih menarik dan seterusnya meningkatkan semangat murid untuk belajar. Sebagai contoh, setiap tujuh anak tangga yang melambangkan satu peristiwa diwarnakan dengan warna-warna pelangi kerana pelangi juga mempunyai tujuh warna dan saya percaya Tangga Kemerdekaan yang berwarna-warni seperti warna pelangi akan lebih menarik perhatian dan fokus murid untuk belajar.

Pada kajian seterusnya, fokus kajian saya boleh dipertingkat dan diperluaskan yang mana saya bukan hanya memfokuskan kepada Kemahiran Pemikiran Sejarah iaitu kemahiran menjelaskan kronologi sahaja tetapi dalam masa yang sama saya boleh memasukkan Elemen Kewarganegaraan yang bersesuaian dalam kajian ini, misalnya kepentingan permuafakatan antara pemimpin tempatan semasa berjuang dalam menuntut kemerdekaan negara. Hal ini demikian supaya murid bukan sahaja dapat menjelaskan kronologi peristiwa perjuangan menuntut kemerdekaan dengan betul tetapi mereka juga dapat menilai kepentingan nilai muafakat dan bekerjasama untuk mencapai kemerdekaan yang negara kita kecapai pada hari ini.

Rujukan

- Ahmad Rafaai Ayudin. (2011). *Keberkesanan Pengajaran Sejarah Berasaskan Pencapaian Matlamat Pembelajaran, Kesyediaan Belajar, Kefahaman Konsep dan Pemikiran Sejarah*. Tesis Dr. Falsafah: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chow, F.M., & Jaizah Mahmud. (2011). *Kajian Tindakan: Konsep dan Amalan dalam Pengajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Ernest T. Stringer. (2008). *Action Research Third Edition*. Singapore: Sage Publications Asia-Pacific Pte Ltd.
- Ghulam Shabiralyani et.al, (2015). Impact of Visual Aids in Enhancing the Learning Process Case Research: District Dera Ghazi Khan. *Journal of Education and Practice*. ISSN 2222-1735. Vol. 6, No. 19, 2015.
- John Child, Paul Shuter dan David Taylor. (1991). *Understanding history*. Portsmouth: Heinemann Publishing.
- Merriam S.B. (1998). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Mok Soon Sang (2009). *PTK Pengajaran dan Pembelajaran*. Puchong: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Shaareny M. Saravanan. (2016). Penggunaan Roda Masa dalam Meningkatkan Kemahiran Menyusun Fakta Sejarah Mengikut Kronologi dalam Kalangan Murid Tahun 4. *Proceeding of ICECRS, 1 (2016) 781-788 ISSN. 2548-6160 International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia*. Available online: <http://ojs.umsida.ac>.
- Usop Hasbee & Rusli Ahmad. (2011). *Conducting research in social sciences, humanities economics and management studies: a practical guide*. Sarawak: RS Publishing House.